

SELASA
20 OKTOBER 2015

Harian Metro



ANGGOTA bomba tidak melepaskan peluang menderma darah.

Kempen derma darah dapat sambutan

Melaka: Seramai 80 penjawat awam dan kakitangan swasta menderma darah pada Kempen Derma Darah anjuran Hotel Avillion Legacy dengan kerjasama Hospital Melaka, di sini, semalam.

Pengarah Urusan Hotel Avillion Legacy Low Kee Nam berkata, penganjuran kempen itu bagi meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai kepentingan menderma darah.

“Memang tidak dinafikan ada yang menganggap kempen seperti ini tidak penting, tanggapan itu sebenarnya salah kerana sumbangan setiap titik darah mampu

menyelamatkan nyawa.

“Kami amat bangga kerana penganjuran kempen kali ini menerima sambutan menggalakkan dengan kehadiran penderma melibatkan anggota bomba dan kakitangan hotel,” katanya.

Beliau berkata, pihaknya menganjurkan program itu selama lima tahun berturut-turut dan meneruskannya pada masa akan datang.

Sementara itu, Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Jalan Kubu Timbalan Penguasa Bomba Yazid Mohd Tahir berkata, kempen itu mampu membantu pesakit menyelamatkan badan.